

0900

U B857 AAB

MAHATHIR - TEGAS (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 13 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN BAHAWA SESEBUAH MASYARAKAT DAN NEGARA MEMERLUKAN PEMIMPIN DAN PENTADBIR YANG TEGAS BAGI MENJAMIN KEHARMONIAN, KEADILAN DAN KESEJAHTERAAN.

SEKIRANYA PARA PEMIMPIN DAN PENTADBIR NEGARA TERDIRI DARIPADA KALANGAN MEREKA YANG TIDAK MEMPUNYAI SIFAT TEGAS DAN YAKIN KEPADA KEBENARAN, TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS YANG DIPIKUL MAKA KESELURUHAN MASYARAKAT AKAN MENJADI LEMAH, UJAR PERDANA MENTERI.

+PERBUATAN RASUAH, PILIH KASIH DAN KETAGIH ARAK DAN DADAH TERUTAMANYA ADALAH CIRI-CIRI YANG MENCERMINKAN PERIBADI YANG TIDAK TEGAS DAN TIDAK TAHAN MENGHADAPI CABARAN DALAM MENJALANKAN TUGAS,+ KATANYA.

SEMASA MERASMIKAN MUSABAGAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN DI PUSAT ISLAM, MALAM INI, BELIAU BERKATA MARUAH BANGSA, AGAMA DAN NEGARA JUGA AKAN HILANG JIKA SESEBUAH MASYARAKAT DAN NEGARA ITU DIPIMPIN DAN DITADBIR OLEH PERIBADI-PERIBADI YANG LEMAH.

SELAIN DARIPADA KETEGASAN PEMIMPIN DAN PENTADBIR, KETEGASAN IBU-BAPA SERTA PENDIDIK JUGA PENTING KERANA KETEGUHAN DAN KETINGGIAN AKHLAK GENERASI MUDA BANYAK BERGANTUNG KEPADA MEREKA, KATANYA. -- LAGI

2019MST 13 04 87

0903

U B858 AAB

MAHATHIR - TEGAS 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+GURU-GURU DAN IBU-BAPA HENDAKLAH SAMA-SAMA BERUSAHA MEMBANTU KE ARAH MELAHIRKAN UMAT YANG TEGAS BAGI MENJAMIN KETEGUHAN ISLAM DI MASA AKAN DATANG,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU MENAMBAH SEJARAH ISLAM TERUTAMANYA YANG BERKAITAN DENGAN PERJUANGAN RASULULLAH S.A.W. DAN KHULafa AR-RASYIDIN MEMBUKTIKAN BAHAWA KETEGASAN DALAM BERTINDAK MENJADI NADI YANG MENGHASILKAN KEJAYAAN CEMERLANG.

KALAU TIDAK KERANA KETEGASAN RASULULLAH S.A.W. DALAM MENYAMPAIKAN RISALAH ISLAM, TIDAK MUNGKIN ISLAM AKAN BERKEMBANG SAMPAI KEPADA ZAMAN SEKARANG, KATANYA.

MENURUTNYA, RASULULLAH TERUS BERUSAHA MENGEMBANGKAN SYIAR ISLAM WALAUPUN DIPUJUK RAYU, DIUGUT DAN CUBA DISOGOK DENGAN PELBAGAI KEMEWAHAN OLEH KAUM QURAI SY YANG MAHUKAN BAGINDA BERHENTI MENGEMBANGKAN SYIAR ISLAM.

+BAGINDA JUGA TELAH MEMPERLIHATKAN KETEGASANNYA DALAM MENEGAKKAN KEADILAN PEMERINTAHAN TANPA PILIH KASIH ATAU TUNDUK KEPADA MANA-MANA TEKANAN DAN MENJELASKAN BAHAWA ANTARA SEBAB KERUNTUHAN UMAT TERDAHULU IALAH KERANA MEREKA PILIH KASIH DALAM MENJALANKAN HUKUM,+ KATANYA. -- LAGI

2025MST 13 04 87

D904

U B859 AAB  
MAHATHIR - TEGAS 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SAIDANA ABU BAKAR AS-SIDIQ JUGA MMEPERLIHATKAN KETEGASAN APABILA MEMERANGI GOLONGAN ISLAM YANG ENGGAN MEMBAYAR ZAKAT DAN MEREKA YANG MENYELEWENG DARIPADA AJARAN ISLAM DI PERMULAAN PEMERINTAHAN BELIAU DAHULU.

MENGENAI TEMA MUSABAQAH KALI INI, +UMAT TEGAS ISLAM TEGUH+, PERDANA MENTERI BERKATA IA DIPILIH KERANA KESEDARAN KERAJAAN PERI PENTINGNYA PEMBENTUKAN PERIBADI UMAT YANG SESUAI DENGAN FITRAH KEJADIAN MANUSIA DAN KEHENDAK ALAM.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENGAJAK SEKALIAN UMAT ISLAM MENGAMALKAN AJARAN YANG TERKANDUNG DALAM KITAB SUCI AL-QURAN UNTUK MEMBENTUK KEPERIBADIAN ISLAM.

BELIAU BERKATA NILAI-NILAI NEGATIF UMAT ISLAM DI NEGARA INI PERLU DIBERI PERHATIAN SERIUS DAN DIBENDUNG SUPAYA KEKUATAN NEGARA, KEMULIAAN UMAT ISLAM DAN KETINGGIAN AGAMA TERUS TERJALIN.

KERANA MENYEDARI HAKIKAT ITULAH, KERAJAAN MELAKSANAKAN DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTABDIRAN UNTUK MELAHIRKAN INSAN BERAKHLAK MULIA DAN BERSIFAT TEGAS DALAM TINDAK LAKU MEREKA. -- LAGI.  
2027MST 13 04 87

D905

U B860 AAB  
MAHATHIR - TEGAS 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SELAIN ITU, KATANYA, KERAJAAN TELAH MENGADAKAN BERBAGAI-BAGAI PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM KE ARAH MEMUPUK PEMBENTUKAN SIFAT-SIFAT MULIA DIHAYATI OLEH SELURUH UMAT ISLAM.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA KEJAYAAN SEGALA RANCANGAN YANG DIANJURKAN OLEH KERAJAAN ITU TIDAK AKAN BERHASIL TANPA PENGLIBATAN KESELURUHAN UMAT ISLAM.

+SAYA BERSERU KEPADA SELURUH KAUM MUSLIMIN SUPAYA MENERIMA PROGRAM-PROGRAM INI DAN MELIBATKAN DIRI DENGAN MENGHADIRI MAJLIS-MAJLIS CERAMAH, KULIAH-KULIAH DAN KELAS-KELAS PENGAJIAN TERSEBUT,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA HANYA DENGAN BERBUAT DEMIKIAN UMAT ISLAM DAPAT MENAMBAH PENGETAHUAN MEREKA SERTA MENINGKAT IMAN DAN TAKWA MEREKA. -- BERNAMA.  
2028MST 13 04 87